

Mencari pimpinan pelapis satu usaha berterusan

2 Sep 2014

Mohd Raman Daud

CUKUPKAH pelapis dalam badan Melayu/Islam?

Presiden Angkatan Pelukis Aneka Daya (Apad), Encik Kamal Dollah, turut menyuarakan keprihatinannya dalam satu wawancara akhbar ini sempena Pameran Apad 2014 di Promenade Bangunan Perpustakaan Negara.

Antara lain, pameran itu menyorot dan menyanjung sumbangan pengasas dan presidennya yang pertama, Almarhum Haji Abdul Ghani Hamid.

Menurut Encik Kamal, Apad perlu menarik pelukis muda, baik lulusan institusi setempat mahupun luar negara, demi mengisi keanggotaannya agar menjadi aktivis dan memasyarakatkan seni tampak.

Namun, beliau mengakui menghadapi pelbagai kesukaran mencari anggota pelapis.

Sebelum Apad, sudah wujud Persatuan Pelukis Melayu Malaya yang ditubuhkan pada 1949 di Kelab Kota Raja (dalam pekarangan Istana Kampung Glam). Presiden pertamanya ialah Encik Mahat Chadang.

Namun, persatuan itu tidak dapat bertahan kerana ramai ahlinya berhijrah ke Malaysia selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957.

Jadi, masalah pelapis bagi Apad bukanlah suatu yang baharu. Ia datang dan pergi.

Sewaktu Singapura berpisah daripada Malaysia, Angkatan Sasterawan '50 juga mengalami masalah susut anggota.

Tokoh-tokoh pentingnya seperti Keris Mas (Encik Kamaluddin Muhammad), Tongkat Warant (Encik Usman Awang) dan banyak lagi kembali ke Tanah Melayu.

Malah, terdapat undangan kepada dua tokoh penting Asas '50 iaitu MAS (Encik Muhd Ariff Ahmad) dan Masuri SN (Encik Masuri Salikun) agar berhijrah ke Malaysia.

Undangan juga diberikan kepada Harun Aminurrashid (Encik Harun Mohd Amin) iaitu sasterawan Melayu paling prolifik yang rekodnya belum dapat diatasi mana-mana penulis Melayu sehingga kini.

Namun Asas '50 mengalami pembaharuan selepas diadakan rahat (retreat) yang dipanggil Perkampungan Sastera pada 1973.

Ketika ini gagasan Hadiah Sastera dipersetujui memberikan rangsangan kepada para penulis tanah air. Malah, pada 1977, Asas '50 mengadakan pertemuan bersifat serantau pertama.

Masalah menarik pelapis turut disuarakan pemimpin yang menerajui badan mapan seperti Angkatan Karyawan Islam (AMP), Muhammadiyah, Persatuan Ain sehingga Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM).

Baru-baru ini menerusi kerangka kerja Forum Pemimpin Masyarakat (CLF), badan-badan mapan ini melalui proses kajian dan peningkatan kepentadbiran.

Saya teringat dialog dengan Presiden 4PM, Encik Izuddin Taherally, di markas persatuan itu di Bedok Reservoir: "Dah penat. Dah terlalu lama di sini."

Dalam awal 1970-an, beliau bersama-sama rakan-rakan dari Maktab Rendah Kebangsaan (seangkatan Encik Hawazi Daipi yang pernah menyandang setiausaha 4PM untuk beberapa lama) aktif dalam badan tersebut. Diam tak diam kini beliau hampir tiga dekad menerajui 4PM.

Menurut dapatan sepintas lalu oleh Jawatankuasa Projek Buku Badan Melayu/Islam pimpinan Encik Hussin Zoohiri, pernah terdapat antara 200 dengan 300 badan Melayu/Islam di Singapura.

Ketika Majlis Pusat hendak ditubuhkan pada 1968-69, lebih 140 badan Melayu/Islam telah dihubungi.

Kini, di mana badan-badan seperti Persatuan Merbak Jambul (persatuan pencinta burung) yang pernah didaftarkan di alamat Bushy Park (Taman Semak)?

Sering pertubuhan Melayu yang tidak mempunyai aset seperti rumah persatuan dan kepimpinan teguh akan mudah luput.

Aspek kepimpinan teguh termasuklah mempunyai pemimpin yang tekun lagi bervisi demi memastikan adanya barisan pelapis sebagai kesinambungan.

Hanya segelintir saja badan Melayu/Islam yang menampilkan kepimpinan kukuh selepas pengunduran barisan pengasasnya. Hal ini menjelaskan mengapa kini terdapat sejumlah kecil badan Melayu/Islam.

Ketekalan pimpinan merupakan isu paling runcing yang dihadapi oleh mana-mana pertubuhan dalam mencari dana, mengadakan program yang mantap dan menarik sokongan dan rasa hormat masyarakat.

Jauh daripada persoalan kepimpinan badan akar umbi, terdapat isu besar lagi - mengisi kepimpinan nasional. Saban tahun timbul keluhan bahawa sukar mendapatkan bakat terbaik mengisi jawatan anggota parlimen sehinggalah menteri.

Jadi, adakah fenomena enggan tampil menjadi pemimpin ini dikondisikan oleh keadaan Singapura?

Benarkan individu lebih suka berjaya dalam bidang korporat atau kerjayanya sendiri tanpa mahu berkorban demi masyarakat?

Keunikan masyarakat kita ialah lebih separuh penduduk Melayu berusia 40 tahun ke bawah. Ertinya, banyak bakat muda boleh dipupuk, diyakinkan dan diajak berbakti.

Dalam hal ini, kita perlu pelajari teknik terbaik menyedar dan merangsang orang Melayu yang berjaya agar keluar dari kepompong selesa, lantas menyingsing lengan demi menangani masalah masyarakat.

Malah, badan seperti Apad boleh bertindak bukan sekadar seni untuk seni saja, tetapi memasyarakatkannya dengan mengadakan aktiviti melukis bersama keluarga di taman haiwan atau dengan remaja tercicir sehingga golongan yang menghadapi masalah mental.

Melukis telah dikenal pasti sebagai suatu terapi memberikan makna kepada kehidupan. Apabila kegiatan begini diuar-uarkan, ia mungkin menarik anak muda kita yang idealis agar bersama masyarakat.

Pokoknya, mengisi pelapis dalam kepimpinan masyarakat akan perlu diteruskan dengan cara bijaksana lagi kreatif.